

UNISSA - UNIDA meterai perjanjian, tingkatkan kerjasama



Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, melalui Fakulti Bahasa Isnin, 8 Oktober. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) mengadakan Program Kolaborasi dengan Fakultas

Tarbiyyah Universitas Islam Darussalam (UNIDA) Gontor, Indonesia.

Program berbentuk ilmiah ini berupa pertandingan membaca buku bahasa Arab dan eksplorasi yang dikunjungi oleh seramai 30 ahli rombongan dari

UNIDA, Gontor. Sehubungan itu, dalam kesempatan ini, UNISSA dan UNIDA juga telah menandatangani Memorandum Perjanjian bagi menjalin hubungan kerjasama kedua-dua belah pihak yang boleh diterokai.

MAJLIS Penandatanganan Memorandum Perjanjian di antara Fakulti Bahasa Arab Universiti Islam Sultan Sharif Ali dengan Fakultas Tarbiyyah Universitas Islam Darussalam (UNIDA) Gontor, Indonesia disaksikan oleh Pemangku Rektor UNISSA Dr. Arman bin Haji Asmad.

Hadir menyaksikan penandatanganan tersebut ialah Pemangku Rektor UNISSA, Dr. Arman bin Haji Asmad.

Menandatangani bagi pihak UNISSA ialah Dekan FBA, Dr. Siti Sara binti Haji Ahmad manakala pihak UNIDA, Indonesia pula ditandatangani oleh Dekan Fakultas Tarbiyyah, Dr. Imam Bahroni.

UNISSA dan UNIDA Gontor akan berusaha untuk saling membantu dan menyokong satu sama lain, khususnya melalui 'Kegiatan Pembangunan Kemahiran Bahasa' seperti 'Kem Bahasa Arab' yang bertujuan meningkatkan dan memperkuat kemahiran bahasa Arab pelajar di kedua-dua institusi.

Operasi Sepadu banteras kegiatan menyalahi undang-undang

Siaran Akhbar dan Foto :
Pasukan Polis Diraja Brunei



DAERAH Polis Tutong, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) semasa menjalankan Operasi Sepadu Sekatan Jalan Raya di dua tempat berasingan di Daerah Tutong (atas dan bawah).

TUTONG, Isnin, 8 Oktober. - tempat berasingan di Daerah Daerah Polis Tutong, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) menjalankan Operasi Sepadu Sekatan Jalan Raya di dua

tempat berasingan di Daerah Tutong semalam.

Operasi berkenaan dikendalikan dengan kerjasama anggota Jabatan Siasatan Kawalan dan Lalu Lintas

(JSKLL), Biro Kawalan Narkotik (BKN) dan Jabatan Pengangkutan Darat (JPD).

Mengikut operasi berkenaan, Pegawai Lalu Lintas Dacrah Tutong, Penolong Pengguna Polis (ASP) Dayangku Husnawati binti Pengiran Hussin bersama Pegawai-pegawai Menguasa dan Penolong Menguasa Balai dan Ketua-ketua Pengurusan Undang-undang di Daerah Tutong.

Hasil daripada Operasi Sekatan Jalan Raya di kawasan Km 35 Lebuhraya Tutong / Muara menemukan 28 kesalahan kompaun di bawah PPDB, 11 kesalahan di bawah BKN dan 11 kesalahan di bawah JPD, iaitu mengubah suai kenderaan, tayar keluar mudguard dan keadaan tayar yang tidak selamat untuk digunakan.

Sementara melalui operasi di kawasan Lebuhraya Km 59.6 Jalan Lebuhraya Tutong - Seria dan Jalan Lama Tutong - Seria menemukan tiga kesalahan doket; 18 kesalahan kompaun; enam kesalahan di bawah JPD, iaitu tidak mempunyai lesen memandu; tidak dilindungi insurans; cukai jalan mansuh dan kesalahan melebihi muatan dan dua kesalahan BKN.

Sesama operasi sekatan tersebut pihak BKN telah berjaya menahan dua orang warganegara tempatan seorang lelaki dan seorang perempuan diperdayai ada terlibat dengan kesalahan di bawah Akta Peyalahgunaan Dadah Penggal 27.

Sebungkus itu, PPDB akan sentiasa menggerakkan operasi sepada sedemikian di setiap minggu, bagi memastikan penduduk setempat atau orang awam akan sentiasa mematuhi segala peraturan-peraturan di jalan raya semasa memandu dan dapat menghindari daripada sikap lalai dan cuai semasa memandu.



Tingkat kefahaman, kepekaan keadaan cuaca semasa

Siaran Akhbar :
Jabatan Kajiciuaca Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 8 Oktober. - Bagi meningkatkan kefahaman dan kepekaan pelbagai kumpulan pengguna mengenai keadaan cuaca semasa di Negara Brunei Darussalam, Jabatan Kajiciuaca Brunei Darussalam (BDMD), Kementerian Perhubungan mengadakan Taklimat Cuaca Kebangsaan buat kali ketiga sebagai susulan daripada taklimat yang diadakan pada bulan Julai lalu.

Scramai 103 peserta daripada pelbagai agensi kerajaan dan swasta serta orang-orang awam menghadiri taklimat tersebut yang diadakan di Auditorium Jabatan Penerangan, Lapangan Terbang Lama Berakas.

Taklimat Cuaca Kebangsaan merupakan salah satu inisiatif Jabatan dan Kementerian Perhubungan dalam usaha meningkatkan penglibatan kumpulan-kumpulan pengguna seperti kumpulan Tindakan Awal dan Keselamatan (Safety and First Responders), kumpulan Ekonomi dan Industri, Pembinaan, Syarikat Insurans, Perusahaan Kecil dan Sederhana serta pihak media massa.

Sesi khas mengenai metodologi di sebalik ramalan cuaca juga merupakan sebahagian daripada perkara yang dihuraikan dalam taklimat pengenalan yang disampaikan oleh Pegawai Kajiciuaca, Dayang Marzeti binti Haji Mahadi.

Manakala tumpuan Taklimat Cuaca Kebangsaan adalah berkenaan cuaca, iklim dan ramalan jangka panjang bagi musim peralihan monsun (bulan Oktober hingga Disember) bagi Negara Brunei Darussalam yang disampaikan oleh Ahli Meteorologi dari Jabatan Kajiciuaca, Dayang Harnina binti Moranji.

Antara aktiviti lain adalah promosi dan penjualan buku Coffee Table jabatan bertajuk 'Nubivagant With Wondrous Scenes of The Abode of Peace', promosi aplikasi mudah alih Brunei WX, media sosial dan kod amaran cuaca berwarna.

Buat julung kali pada tahun ini, Jabatan Kajiciuaca juga menawarkan peluang penyertaan kepada orang awam dan mendapat sambutan yang amat menggalakkan.

Taklimat tersebut bertujuan untuk memberikan peluang kepada pengguna maklumat cuaca dan iklim yang ada pada masa ini dan juga yang akan datang untuk berinteraksi bersama Jabatan Kajiciuaca dengan mengajukan keperluan maklumat dan khidmat masing-masing.

Sejalan itu, taklimat juga bertujuan bagi memudahkan kerjasama masing-masing menghadapi cuaca dan untuk meningkatkan kepekaan mengenai iklim Negara Brunei Darussalam.